

24/11/1997

Kabinet putuskan (HL)

Kamal Ahmad

SUBANG, Ahad - Permohonan menaikkan harga barangan hanya boleh diluluskan dengan kebenaran Kabinet bagi memastikan kepentingan pengguna dilindungi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kepentingan pengguna tetap menjadi pertimbangan utama kerajaan sebelum meluluskan tuntutan pengeluar dan peniaga yang mencadangkan menaikkan harga barangan mereka, baru-baru ini.

Beliau berkata, permohonan menaikkan harga barangan itu akan diteliti oleh Kabinet dengan mengambil kira ulasan dan pertimbangan pelbagai agensi serta kementerian sebelum keputusan muktamad dibuat.

Menurutnya, tuntutan itu hanya diluluskan jika ada penggunaan komponen import yang tidak boleh dielakkan dalam operasi mereka.

"Macam minyak kelapa sawit, pertimbangan Kabinet ialah tidak menaikkan (harga bahan itu) dan minta kementerian berkenaan mengkaji. Tetapi pandangan Kabinet setakat ini ialah tidak menggalakkan kenaikan dan mencari jalan supaya pihak pengeluar dan pengilang menampung sebahagian daripada kos.

"Kita serius dalam perkara ini. Kalau ada permohonan dan tuntutan kenaikan, ia harus diteliti implikasinya. Tetapi kita tidak boleh menolak begitu saja permohonan.

"Kita kena kaji sama ada komponen import itu benar-benar tinggi," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas ke Vancouver, Kanada untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) Kelima, esok.

Anwar mengulas kenaikan harga barangan sejak kebelakangan ini dan dijangka semakin ketara awal tahun depan.

Menurutnya, ketegasan kerajaan menangani masalah ekonomi negara sekarang turut dibuktikan dengan arahan Majlis Tertinggi (MT) Umno pada Khamis lalu supaya pemimpin parti daripada semua peringkat tidak bercuti di luar negara.

Ditanya kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, kerajaan akan menimbang kenaikan harga beberapa barang keperluan termasuk gula, tepung dan minyak masak pada kadar minimum, beliau berkata:

"Saya fikir dia (Megat Junid) buat kenyataan itu kerana tuntutan daripada peniaga dan juga melihat kepada komponen import yang menyebabkan harga barang itu naik," katanya.

(END)